

TAJUK : Bekas Timbalan Rektor Kuin dinobat Tokoh Maal Hijrah Kedah
AKHBAR : Utusan Online
TARIKH : 15 Oktober 2015
URL : <http://www.utusan.com.my/berita/wilayah/bekas-timbalan-rektor-kuin-8232-dinobat-tokoh-maal-hijrah-kedah-1.146466>

Bekas Timbalan Rektor Kuin dinobat Tokoh Maal Hijrah Kedah



ABD. RAHMAN MUSTAFA (tengah) menunjukkan sijil dan replika cek kepada ahli keluarganya selepas sambutan Maal Hijrah 1437 peringkat negeri di Alor Setar, Kedah, semalam.

ALOR SETAR 14 Okt. – Penerima anugerah Tokoh Maal Hijrah peringkat negeri menjadikan anugerah tersebut merupakan pembakar semangat buat dirinya untuk memberi sumbangan kepada masyarakat melalui aktiviti kesukarelawan.

Abd. Rahman Mustafa, 56, yang merupakan bekas Timbalan Rektor Kolej Universiti Insaniah (Kuin) berkata, dia tidak menyangka dirinya akan dinobatkan sebagai Tokoh Maal Hijrah 1437 Hijrah peringkat negeri.

“Saya ingat mungkin hanya dapat anugerah bagi peringkat daerah sahaja, hanya pada Khamis lalu dimaklumkan bahawa saya terpilih Tokoh Maal Hijrah 1437 bagi Kedah.

“Saya rasa pengiktirafan ini diberikan atas faktor kerja-kerja sukarela yang saya lakukan dan saya menjadikan anugerah ini sebagai satu pencetus semangat untuk terus berbakti kepada masyarakat,” katanya ketika ditemui selepas sambutan Maal Hijrah 1437 peringkat negeri di Dewan Sri Negeri di sini hari ini.

Yang berangkat hadir merasmikan majlis tersebut ialah Pengerusi Jemaah Pemangku Sultan Kedah, Tan Sri Tunku Sallehuddin Sultan Badlishah, Tengku Puan Temenggong Kedah, Puan Sri Tengku Maliha Tengku Ariff.

Yang turut hadir Menteri Besar, Datuk Seri Mukhriz Tun Dr. Mahathir.

Pada majlis itu Tunku Sallehuddin berkenan menyampaikan sijil penghargaan dan hadiah wang bernilai RM10,000 kepada Abd. Rahman.

Selain Abd. Rahman, Tunku Sallehuddin juga turut berkenan menyampaikan sijil penghargaan dan hadiah wang tunai kepada Tokoh Saudara Kita Maal Hijrah, Noor Adlan Loy Abdullah.

Abd. Rahman yang juga Ahli Jawatankuasa Zakat negeri berkata, selepas bersara daripada bidang akademik pada 2012, khidmatnya kepada masyarakat tidak terhenti malah beliau terus aktif menyumbangkan tenaga serta kepakaran kepada masyarakat.

Bapa kepada enam orang anak ini memberitahu, projek terkini yang sedang diusahakannya ialah menyiapkan kajian untuk mewujudkan pusat dialisis di Sungai Petani.

“Pusat dialisis ini merupakan kerjasama antara Jabatan Zakat negeri dan juga Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim).

“Dialisis yang dilakukan di sini adalah percuma dan memberi banyak manfaat kepada masyarakat,” katanya yang turut bergiat aktif dalam pasukan Askar Wataniah.

Penafian: *Semua Komen di bawah tidak mencerminkan pendirian atau pandangan Utusan, ia merupakan pandangan peribadi penulis.*
